

DATA PSIKIATRI 2013-2017 NEGERI SELANGOR MENGIKUT HOSPITAL

KEMASUKAN PESAKIT KE HOSPITAL

SELANGOR		2013	2014	2015	2016	2017
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Hospital Negeri	570	554	589	599	700
Hospital Selayang	Hospital Pakar Major	262	297	261	284	286
Hospital Serdang	Hospital Pakar Major	3	28	53	91	90
Hospital Sg Buloh	Hospital Pakar Major	79	67	129	318	329
Hospital Ampang	Hospital Pakar Major	1	0	5	0	0
Hospital Kajang	Hospital Pakar Major	261	224	303	274	346
Hospital Banting	Hospital Pakar Minor	22	6	24	33	26
Hospital Kuala Kubu Baru	Hospital Tanpa Pakar	11	13	9	16	19
Hospital Tanjung Karang	Hospital Tanpa Pakar	113	110	79	94	89
Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	Hospital Tanpa Pakar	5	7	9	5	9
Hospital Orang Asli, Gombak	Hospital Tanpa Pakar	3	5	2	2	1
Hospital Shah Alam	Hospital Pakar Major	-	-	-	11	19
JUMLAH		1330	1311	1463	1727	1914

Sumber dari hospital

(PESAKIT LUAR - KEDATANGAN PESAKIT KE KLINIK PAKAR)

SELANGOR		2013	2014	2015	2016	2017
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Hospital Negeri	13730	14224	15866	14077	12290
Hospital Selayang	Hospital Pakar Major	10912	12408	14857	18225	18255
Hospital Serdang	Hospital Pakar Major	2772	3451	3501	3939	4868
Hospital Sg Buloh	Hospital Pakar Major	6462	6375	7126	8243	9752
Hospital Ampang	Hospital Pakar Major	3657	4377	4836	5379	6817
Hospital Kajang	Hospital Pakar Major	8529	9144	8931	9241	9479
Hospital Banting	Hospital Pakar Minor	628	675	849	804	1275
Hospital Kuala Kubu Baru	Hospital Tanpa Pakar	295	276	321	467	464
Hospital Tanjung Karang	Hospital Tanpa Pakar	628	626	766	803	808
Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	Hospital Tanpa Pakar	540	640	606	644	826
Hospital Orang Asli, Gombak	Hospital Tanpa Pakar	0	0	0	0	0
Hospital Shah Alam	Hospital Pakar Major	-	-	-	-	-
JUMLAH		48153	52196	57659	61822	64834

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEBOLEHPASARAN GRADUAN UNISEL

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada tahun 2017 dan 2018, berapa ramaikah graduan tempatan di UNISEL mengikut jurusan?
- b) Berapa ramaikah graduan tempatan UNISEL yang dilaporkan telah berjaya mendapat pekerjaan?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah graduan tempatan UNISEL mengikut jurusan bagi tahun 2017 dan 2018.

BIL	PROGRAM	TAHUN	
		2017	2018
1	PENGAJIAN TAHUN ASAS (SAINS)	49	15
2	PROGRAM ASAS PENGURUSAN	54	136
3	PROGRAM ASAS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA)	88	132
4	PROGRAM ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT	60	36
5	DIPLOMA AKUAKULTUR	9	7
6	DIPLOMA APLIKASI KOMPUTER DALAM PERNIAGAAN	1	2
7	DIPLOMA FISIOTERAPI	21	22
8	DIPLOMA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI	8	7
9	DIPLOMA INDUSTRI MULTIMEDIA	8	14
10	DIPLOMA KEJURURAWATAN	7	28
11	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	2	8

BIL	PROGRAM	TAHUN	
		2017	2018
12	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	4	3
13	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	9	3
14	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	3	1
15	DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN	9	16
16	DIPLOMA KOMUNIKASI DAN MEDIA	104	100
17	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	39	18
18	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN PRASEKOLAH)	190	164
19	DIPLOMA PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	92	58
20	DIPLOMA PENGIMEJAN PERUBATAN	24	22
21	DIPLOMA PENGURUSAN INDUSTRI SUKAN	58	55
22	DIPLOMA PENGURUSAN PENTADBIRAN	86	93
23	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	134	171
24	DIPLOMA PERAKAUNAN	48	50
25	DIPLOMA SAINS KOMPUTER (PENGKOMPUTERAN INDUSTRI)	11	10
26	DIPLOMA SAINS KUANTITATIF	3	2
27	DIPLOMA SAINS PERPUSTAKAAN	6	9
28	DIPLOMA SENI REKA GRAFIK DIGITAL	28	82
29	DIPLOMA TEKNOLOGI FOTOGRAFI	14	29
30	DIPLOMA TEKNOLOGI INDUSTRI	23	22
31	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	2	30
32	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI MUDAHALIH)	2	4
33	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	25	20

BIL	PROGRAM	TAHUN	
		2017	2018
34	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) SENI REKA GRAFIK DIGITAL	28	63
35	IJAZAH SARJANA MUDA BIOINFORMATIK (KEPUJIAN)	2	2
36	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI (KEPUJIAN)	10	33
37	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	10	25
38	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) AWAM	3	10
39	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRIK	8	10
40	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRONIK	2	NA
41	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKANIKAL	17	18
42	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKATRONIK	1	NA
43	IJAZAH SARJANA MUDA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEPUJIAN)	2	8
44	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KEWARTAWANAN)	19	45
45	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KOMUNIKASI KORPORAT)	63	89
46	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	119	78
47	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN INDUSTRI (KEPUJIAN)	49	56
48	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN	122	135

BIL	PROGRAM	TAHUN	
		2017	2018
	PERNIAGAAN (KEPUJIAN)		
49	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (KEPUJIAN)	203	263
50	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	95	121
51	IJAZAH SARJANA MUDA PSIKOLOGI INDUSTRI (KEPUJIAN)	41	35
52	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) MATEMATIK DENGAN STATISTIK	15	6
53	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) TEKNOLOGI INDUSTRI	10	13
54	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) (KEPUJIAN)	15	11
55	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN)	4	9
56	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN) (KESELAMATAN RANGKAIAN DAN DIGITAL FORENSIK)	3	17
57	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKMAL PERUBATAN (KEPUJIAN)	66	66
58	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERPUSTAKAAN (KEPUJIAN)	22	12
59	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERSEKITARAN (KEPUJIAN)(KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN)	1	4
60	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN (KEPUJIAN)	17	11
61	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (KEPUJIAN)	12	14
62	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT	3	5

BIL	PROGRAM	TAHUN	
		2017	2018
	(PENGURUSAN PENGETAHUAN) (KEPUJIAN)		
63	IJAZAH SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT	5	4
64	SARJANA MUDA KEWANGAN (KEPUJIAN)	71	122
65	SARJANA MUDA PEMASARAN (KEPUJIAN)	19	20
66	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)	204	218
67	SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN DISIPLIN)	4	2
68	SARJANA PENGURUSAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	0	1
69	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	8	14
70	SARJANA SAINS (BIOTEKNOLOGI)	0	1
71	DOKTOR FALSAFAH KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	1	0
72	DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN	0	1
73	DOKTOR PENDIDIKAN	13	10
JUMLAH		2,508	2,921

b) Ini adalah data yang dijana oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)/ Kementerian Pendidikan Malaysia;

Data di bawah ini adalah data sebenar yang diisi oleh semua graduan sebulan sebelum mereka bergraduasi pada konvokesyen ke-12. KPT memberi masa setahun untuk mereka menjana data sebenar graduan yang sudah bekerja atau tidak. Selepas 6 bulan pelajar mengisi data, KPT akan menghebahkan melalui emel kepada mereka untuk mengetahui status terkini graduan dalam mendapat pekerjaan. **Ada kemungkinan data ini sudah berubah dan graduan kebanyakannya sudah bekerja.**

Status Pekerjaan		Tahun Konvokesyen 2017 (disi oleh graduan sebelum konvo ke-12)	
		Bilangan	%
1.	Bekerja	958	45.21
2.	Melanjut Pengajian	266	12.55
3.	Meningkatkan kemahiran	36	1.70
4.	Menunggu penempatan Pekerjaan	94	4.44
5.	Belum Bekerja	765	36.10
	Jumlah	2119	100

- **Data ini diperolehi pada bulan Mac 2018;**
- **Bagi data 2018 (bagi konvokesyen ke-13) data hanya akan diperolehi pada tahun 2019.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENERIMA BANTUAN KISS

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan bilangan penerima bantuan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bagi tahun 2018, mengikut DUN.
 - b) Senaraikan bilangan ibu tunggal daripada keseluruhan bilangan penerima bantuan KISS.
 - c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memberi sokongan yang lebih kepada golongan ibu tunggal yang didaftarkan dalam skim bantuan KISS?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan penerima bantuan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sehingga 16 November 2018 adalah seperti berikut:-

BIL	DEWAN NEGERI SELANGOR	AHLI AKTIF (ORANG)
1.	N01 Sungai Air Tawar	978
2.	N02 Sabak	816
3.	N03 Sungai Panjang	496
4.	N04 Sekinchan	490
5.	N05 Hulu Bernam	527
6.	N06 Kuala Kubu Bharu	536
7.	N07 Batang Kali	1,441
8.	N08 Sungai Burong	1,060
9.	N09 Permatang	1,003
10.	N10 Bukit Melawati	775
11.	N11 Ijok	463
12.	N12 Jeram	629
13.	N13 Kuang	739
14.	N14 Rawang	812

BIL	DEWAN NEGERI SELANGOR	AHLI AKTIF (ORANG)
15.	N15 Taman Templer	651
16.	N16 Sungai Tua	1,334
17.	N17 Gombak Setia	539
18.	N18 Hulu Kelang	526
19.	N19 Bukit Antarabangsa	922
20.	N20 Lembah Jaya	589
21.	N21 Pandan Indah	276
22.	N22 Teratai	274
23.	N23 Dusun Tua	478
24.	N24 Semenyih	1,479
25.	N25 Kajang	681
26.	N26 Sungai Ramal	540
27.	N27 Balakong	509
28.	N28 Seri Kembangan	138
29.	N29 Seri Serdang	369
30.	N30 Kinrara	424
31.	N31 Subang Jaya	181
32.	N32 Seri Setia	561
33.	N33 Taman Medan	1,176
34.	N34 Bukit Gasing	74
35.	N35 Kampung Tunku	76
36.	N36 Damansara Utama	72
37.	N37 Bukit Lanjan	723
38.	N38 Paya Jaras	1,239
39.	N39 Kota Damansara	817
40.	N40 Kota Anggerik	803
41.	N41 Batu Tiga	671
42.	N42 Meru	1,408
43.	N43 Sementa	749
44.	N44 Selat Kelang	141

BIL	DEWAN NEGERI SELANGOR	AHLI AKTIF (ORANG)
45.	N45 Bandar Baru Klang	651
46.	N46 Pelabuhan Klang	1,971
47.	N47 Pandamaran	506
48.	N48 Sentosa	156
49.	N49 Sungai Kandis	692
50.	N50 Kota Kemuning	691
51.	N51 Sijangkang	407
52.	N52 Banting	445
53.	N53 Morib	744
54.	N54 Tanjung Sepat	804
55.	N55 Dengkil	1,786
56.	N56 Sungai Pelek	713
57.	Lain-lain	697
	JUMLAH	39,448

(Sumber diperolehi dari Selcare Management Sdn Bhd)

- b) Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, data *softcopy* yang diperolehi daripada Pejabat Dewan Negeri Selangor atau Pusat Khidmat Masyarakat tidak mengklasifikasikan mengikut status perkahwinan. Walau bagaimanapun, maklumat ini sedang diselenggara secara manual dan data yang lengkap akan dikemaskini.
- c) Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) tidak hanya menumpukan kepada sesetengah golongan seperti ibu tunggal atau lain-lain. Manfaat program KISS ini adalah diberikan kepada ibu-ibu yang mempunyai keluarga yang kurang berkemampuan untuk membuat pembelian barang keperluan keluarga demi mendepani kos dan beban sara hidup yang semakin meningkat.

Kini, Kerajaan Negeri sedang membuat penelitian terhadap semua program IPR termasuk Program KISS untuk ditambahnilai kepada program *empowerment* supaya penerima IPR mampu berdikari dan mengurangkan sikap kebergantungan berterusan terhadap Kerajaan Negeri melalui program-program kemahiran yang akan disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : BAS SELANGOR

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nombor pengguna setiap hari Bas Selangor untuk setiap perhentian dalam DUN Subang Jaya untuk tahun 2018.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah nombor pengguna setiap hari Bas Selangor untuk setiap perhentian dalam DUN Subang Jaya untuk tahun 2018.

TAHUN	LALUAN	JUMLAH KESELURUHAN	PURATA HARIAN
2016	SJ01 dan SJ02	880, 702 orang	2412 orang
2017	SJ01, SJ02, SJ03 dan SJ04	3,898,682 orang	10,681 orang
2018 (Sehingga Oktober)	SJ01, SJ02, SJ03 dan SJ04	2,931,270 orang	9,677 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGGABUNGAN (ALMAGAMATION) TANAH PN 8623 LOT 49365
MUKIM PETALING DAN PM 130 LOT 37563 MUKIM DAMANSARA
YANG DIPINDA SEMPADAN KE MUKIM BANDAR SUNWAY**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan berkenaan perkara di atas sejak permohonan pindaan atas kelulusan MMKN 20/2018 yang dikeluarkan pada 14.8.2018?

JAWAPAN:

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA PEJABAT DAERAH DAN TANAH
PETALING (PDT PETALING)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : TAPAK GANTI KAWASAN LAPANG

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan permohonan pembatalan sebahagian tanah rizab kawasan lapang seluas 0.46 ekar di Jalan PJS 7/13 dan pengesyoran tapak gantian kawasan lapang di sebahagian tanah kerajaan di atas Lot 64681, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya, sejak kertas tingkasan dikemukakan pada 20.8.2018 kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan beliau?

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING (PDT PETALING)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TERBENGGALAI

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil atas pembangunan yang terbengkalai lebih daripada 20 tahun di hadapan Pusat Beli Belah Damen yang terletak antara Persiaran Subang Permai dan Persiaran Kewajipan?

JAWAPAN:

- a) MPSJ telah mengambil tindakan ke atas pembangunan yang terbengkalai lebih 20 tahun di hadapan Pusat Beli Belah Damen seperti berikut:
- i) Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai dan Pembangunan Bermasalah MPSJ telah membincangkan masalah projek terbengkalai oleh pemaju Perumahan Chianion Sdn. Bhd. di Persimpangan USJ 1, Off Jalan Kewajipan, Subang Jaya sejak tahun 2012 lagi memandangkan projek ini telah terbengkalai kira-kira 30 tahun dan menjadi 'eyesore' serta mempunyai ancaman keselamatan kepada orang awam.
 - ii) Jabatan Insolvensi Malaysia memaklumkan syarikat milik pemaju berkaitan telah digulungkan pada 25 Januari 2012 dan Pang Fee Yoon telah dilantik sebagai pelikuidasi oleh Mahkamah Tinggi Malaya Shah Alam pada 7 Januari 2009. Mahkamah tersebut juga memerintahkan pelikuidasi berkenaan mencairkan aset pemaju berkaitan.
 - iii) Seterusnya Jabatan Insolvensi Malaysia menerusi surat bertarikh 17 Julai 2012 telah memohon supaya proses likuidasi ditangguhkan kerana terdapat kes tuntutan di antara pemilik-pemilik yang masih berlangsung di peringkat mahkamah ketika itu bagi menyelesaikan masalah berkaitan isu pemilikan sebenar projek ini.
 - iv) Oleh kerana tiada jalan penyelesaian berikutan tiada kerjasama dari pelikuidasi dan wakil syarikat berkenaan, pihak MPSJ melalui jawatankuasa berkenaan telah mencadangkan rampasan tanah pembangunan tersebut dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah (PTD).

- v) Namun demikian, PTD memaklumkan tindakan rampasan tidak dapat dilaksanakan kerana pemaju membayar cukai tanah setiap tahun menyebabkan tiada asas untuk PTD membuat rampasan.

- vi) Terkini, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai Dan Bangunan Bermasalah MPSJ Bil.2/2018 yang diadakan pada 13 Ogos 2018 telah memutuskan suatu mesyuarat penyelarasan diadakan bagi membincangkan isu ini bersama Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTG), pemaju, Ahli Majlis serta Jabatan-jabatan teknikal dalaman MPSJ untuk meneruskan tindakan perampasan tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : GLC DAN GLIC

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan kesemua GLC dan GLIC yang berkait dengan Negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Berikut adalah senarai anak syarikat di bawah Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI"):-

Bil.	Nama Syarikat
1.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad
3.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad
4.	Communication Corporation Sdn Bhd
5.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
6.	Inpen (Selangor) Sdn Bhd
7.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
8.	Invest Selangor Berhad
9.	Rantaian Mesra Sdn Bhd
10.	Yayasan Warisan Anak Selangor
11.	Yayasan Hijrah Selangor
12.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
13.	SRM Setia Sdn Bhd
14.	Darul Ehsan Investment Group Berhad
15.	Tourism Selangor Sdn Bhd
16.	Smartsel Sdn Bhd

Bil.	Nama Syarikat
17.	Landasan Lumayan Sdn Bhd
18.	KDEB Waste Management Sdn Bhd
19.	SSDU Innovations Sdn Bhd

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : MENAIKTARAF JALAN JKR

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan yang sedia ada untuk menaiktaraf Subang-Kelana Link untuk memanjangkan yang sama terus kepada Lebuhraya Shah Alam memandangkan kesesakan dialami akibat Subang-Kelana Link berhenti atas Persiaran Kewajipan dan memandangkan kapasiti Persiaran Kewajipan yang hampir melebihi dua kali ganda?

JAWAPAN:

- a) Jalan Subang-Kelana Link adalah Jalan Persekutuan FT15. Pihak JKR Negeri Selangor tiada sebarang cadangan untuk menaiktaraf atau menyambungkan jalan ini terus ke Lebuhraya Shah Alam. Kajian awalan dan pemerhatian di tapak oleh pihak JKR Negeri Selangor mendapati, kapasiti Subang-Kelana Link ini adalah mencukupi pada masa kini dan sebarang pelaksanaan naiktaraf/pelebaran jalan adalah mustahil dan sukar lanjutan daripada faktor-faktor berikut:
- i. Isipadu trafik dalam keadaan biasa dan mencukupi
 - ii. Perubahan aliran trafik yang dilaksanakan oleh pihak MPSJ di Persiaran Kewajipan dengan konsep *free flow* di laluan utama membantu menyurai trafik
 - iii. Kekangan dari segi Rizab Jalan yang terlalu sempit
 - iv. Kos pengambilan tanah yang amat tinggi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : SMART SELANGOR PARKING APP

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi SSDU untuk membincang semula perjanjian Godell dan MPSJ untuk memastikan supaya Smart Selangor Parking App dapat dilaksanakan dalam tempoh dua tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya SSDU bukanlah merupakan pihak yang terlibat di dalam perjanjian konsesi pengurusan parkir di antara Godell dan MPSJ.

Namun begitu, SSDU telah pun memberikan penerangan secara menyeluruh berkaitan pengoperasian Smart Selangor Parking (SSP) kepada pihak MPSJ pada bulan Oktober 2018, yang dipengerusikan oleh Puan Yang Dipertua MPSJ. Berbekalkan pengalaman melaksanakan SSP dengan jayanya di enam (6) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, SSDU amat bersedia untuk melaksanakan Smart Selangor Parking di kawasan MPSJ.

Walaupun terdapat banyak permintaan daripada penduduk MPSJ agar SSP digunapakai di MPSJ, terdapat beberapa isu perundangan yang hanya boleh diselesaikan oleh pihak MPSJ terlebih dahulu sebelum penggunaan SSP dapat dibenarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : TRANSPORT ORIENTED DEVELOPMENT

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan secara terperinci kesemua kajian yang dilakukan dan hasil yang sama sebelum rancangan *Transport Oriented Development* diwajibkan untuk semua PBT Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) ***Transit Oriented Development (TOD)*** atau Pembangunan Berorientasikan Transit adalah pembangunan yang menyokong kepada penggunaan pengangkutan awam yang berintensiti tinggi di dalam lingkungan jarak berjalan kaki (***walking distance***) dari stesen transit dengan pembangunan bercampur dan bangunan pelbagai guna mengandungi aktiviti kediaman, pekerjaan dan tempat membeli belah.

Dasar Perancangan Pembangunan Berorientasi Transit Negeri Selangor ini adalah sebagai panduan dan asas pertimbangan kepada PBT dalam proses kelulusan kebenaran merancang yang melibatkan cadangan pembangunan berkonsepkan berorientasikan transit. Dasar ini digunapakai bagi stesen-stesen transit yang berasaskan rel seperti Mass Rapid Transit (MRT), Light Rail Transit (LRT) dan Komuter (KTM).

Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan pemakaian Dasar Pembangunan Berorientasikan Transit Negeri Selangor untuk diterimapakai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor berkuatkuasa 2hb Mac 2016.

Terdapat sembilan (9) perkara asas yang perlu diterapkan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pemakaian TOD di Negeri Selangor supaya ianya lebih bersifat inklusif iaitu:-

1. Pembangunan bercirikan pembangunan bercampur dan aktiviti pelbagai (*mixed use*)
2. Pemberian peningkatan intensiti pembangunan (Densiti dan Nisbah Plot)
3. Keperluan penyediaan unit kediaman mampu milik di zon komersil
4. Penambahan penyediaan keperluan ruang niaga mampu milik
5. Penyediaan keperluan laluan pejalan kaki dan basikal

6. Penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi
7. Pengurangan ke atas penyediaan keperluan tempat letak kenderaan
8. Penyediaan perkhidmatan bas perantara (**Feeder Bus**)
9. Menggalakkan bangunan berkonsepkan bangunan hijau (**Green Building**)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KESIHATAN MENTAL

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan pesakit psikiatri setiap tahun untuk 10 tahun lepas untuk setiap hospital di Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Bilangan pesakit psikiatri untuk setiap hospital di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

LAMPIRAN 2

BIL	KAWASAN PEMBANGUNAN	PEMAJU	BILANGAN REZAB	KELUASAN (EKAR)	MUKIM
1	Eco Majestic	Eco Majestic Sdn Bhd	1	1.63	Beranang
2	Setia Ecohill 2	Setia Ecohill 2 Sdn Bhd	1	0.75	Beranang
3	Serene Heights	UEM Land Berhad	2	0.53	Semenyih
4	Alam Sari	I & P Menara Sdn Bhd	1	0.60	Semenyih
5	Pelangi Semenyih	Gerak Teguh Sdn Bhd	1	0.25	Semenyih
6	Taman Sempuna Jaya	Jian Wei Development Sdn Bhd	1	0.25	Semenyih
7	Diamond Residence	Mayland Venue Sdn Bhd	1	0.254	Semenyih

LAMPIRAN 1

JENIS RUMAH IBADAT	KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM)	TIADA KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM)	TEMPOH OPERASI	JUMLAH
Tokong	Tokong See Sian Tong, Ukay Perdana	12	TIADA MAKLUMAT	16
	Tien Chi Koong Taoist Temple Kuala Ampang			
	Persatuan Penganut Dewa Lock Yam Fu Yin Shen See Taman Sri Merdeka			
	Sam Poh Thong Kg Baru Ampang			
Kuil	TIADA	9	TIADA MAKLUMAT	9
Gereja	TIADA	4	TIADA MAKLUMAT	4
JUMLAH	4	25		29

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : HAK MILIK STRATA

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak masalah dihadapi bertahun-tahun tentang hak milik strata oleh pemilik unit flat dan pangsapuri yang lama. Bolehkah Kerajaan Selangor menubuhkan satu OSC untuk menyelaraskan dan memudahkan proses permohonan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Selangor boleh mewujudkan jawatankuasa pelaksanaan yang melibatkan semua agensi berkaitan yang dipantau oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) di mana Bahagian Hakmilik Strata, PTGS itu sendiri antara fungsinya menjalankan rundingan antara pihak tuan tanah atau pemaju dan penduduk dalam menyelesaikan masalah hakmilik, aduan hakmilik strata dan menjalankan siasatan terhadap tuan tanah atau pemaju di bawah Seksyen 8, Akta Hakmilik Strata (AHS) 1985. Bahagian ini juga telah menjalankan penyelesaian bagi aduan yang diterima secara *ad-hoc* melalui penglibatan agensi lain seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan Jabatan Bangunan), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Badan Pengurusan Bersama (JMB), Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan agensi-agensi lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah keadaan sekitar (kutipan yuran penyelenggaraan, status JMB, kebersihan sekitar, keadaan infra dan lain-lain) Rumah Selangorku yang telah dijual? Pihak manakah yang akan memantau keadaan projek yang telah ditawarkan dan dijual?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini terdapat sejumlah 9 projek Rumah Selangorku jenis pangsapuri yang telah diduduki melebihi tempoh 12 bulan dari tarikh siap dibina. Status penubuhan JMB, peratus kutipan caj, kebersihan sekitar dan keadaan infra bagi projek Rumah Selangorku tersebut adalah seperti di LAMPIRAN A.

Manakala, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor merupakan pihak yang akan memantau projek Rumah Selangorku yang telah ditawarkan dan dijual.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : BIRO PENGADUAN AWAM

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat aduan bahawa tiada jabatan berkenaan untuk menguruskan aduan orang awam terhadap jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan Selangor. Penubuhan Biro Pengaduan Awam adalah amat penting demi meningkatkan prestasi jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Adakah Kerajaan Selangor berniat untuk menubuhkan biro tersebut?

JAWAPAN:

- a) Seksyen Aduan Awam yang terletak di Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah sedia ada dan merupakan seksyen yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan menguruskan aduan awam terhadap jabatan dan agensi di Negeri Selangor.

Seksyen Aduan Awam ini juga berfungsi untuk mengekalkan hubungan baik dengan semua Pegawai Perhubungan Pengaduan Awam (PPPA) yang telah sedia wujud di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Anak Syarikat dan Syarikat Utiliti bagi tujuan memudahkan dan melicinkan pengurusan aduan-aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri untuk diambil tindakan sewajarnya.

Pada masa yang sama, Seksyen Aduan Awam Korporat juga menyelaras dan memantau tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima menerusi mesyuarat-mesyuarat aduan peringkat jabatan dan peringkat negeri yang diadakan mengikut prosedur pengurusan aduan yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, Seksyen Aduan Awam bertanggungjawab memantau penyelesaian aduan awam Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 80% berakhir 31 Disember setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PROJEK PEMBENTUNGAN LANGAT 2

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Projek Pembentungan Langat 2 merupakan projek yang terbesar di kawasan DUN Balakong. Projek ini ditangguhkan beberapa tahun dan hanya bergerak secara berlahan-lahan sekarang. Projek ini juga mengakibatkan kerosakan rumah dan infrastruktur mahupun kemalangan sering berlaku. Alasan yang diberi oleh kontraktor adalah tiada pembayaran daripada Kerajaan Pusat. Apakah Kerajaan Selangor boleh bantu untuk mempercepatkan kerja-kerja projek ini?

JAWAPAN:

- a) Projek yang dimaksudkan di atas adalah **Projek Pembentungan Langat** dan ianya merupakan hasil kerjasama Kerajaan Malaysia dengan Tokyo Metropolitan Government Jepun. Kos projek adalah sebanyak RM1.505 billion dan pelaksana projek adalah Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP). Kerajaan Negeri tidak terlibat secara langsung dalam projek ini dan isu berhubung pembayaran adalah dibawah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Namun demikian, daripada maklumat yang diperolehi, isu berkenaan timbul kerana berlakunya penstrukturan semula serta pindahan fungsi Kementerian dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) pada Mei 2018 hingga September 2018. Walaupun begitu, kontraktor didapati masih melaksanakan kerja-kerja di tapak sebagaimana kontrak bagi tempoh berkenaan dan pembayaran bagi amaun tertunggak sebanyak RM156 juta telah pun dilunaskan oleh Kerajaan Pusat kepada kontraktor mulai Oktober 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENGGALAKKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI
MESRA ALAM SEKITAR SECARA KESELURUHAN**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perkembangan teknologi mesra alam sekitar semakin pesat pada masa sekarang. Penggunaan enzim pengganti cecair pencuci dan baja tumbuhan, bangunan yang mengamalkan konsep mesra alam sekitar dan sistem pengairan semula jadi merupakan contoh-contoh yang berjaya di luar negara. Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Selangor supaya menggalakkan penyelidikan dan pembangunan teknologi mesra alam sekitar?
- b) Sekiranya ada usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam bidang tersebut, adakah hasil penyelidikan tersebut digunakan atau digalakkan secara besar-besaran?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Selangor supaya menggalakkan penyelidikan dan pembangunan teknologi mesra alam sekitar melalui pelaksanaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut : -

BIL	USAHA PENYELIDIKAN TEKNOLOGI MESRA ALAM	PERINCIAN KAJIAN
1.	ECOGEN RECYCLE MPKLANG	• Sistem Digital Kitar Semula 5R
2.	RECO (RECYCLE COOKING OIL)	• Sistem Digital Kitar Semula Minyak Masak Terpakal
3.	PUSAT INOVASI BAGI TUJUAN PEMROSESAN ABBF	• Pemprosesan Aedes Bio Based Fuel (ABBF) daripada minyak masak terpakai.
4.	PENGGOMPOSAN DI MPKJ	• Untuk kegunaan kebun komuniti dan tapak nurseri.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, hasil penyelidikan dan pembangunan teknologi mesra alam sekitar yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan akan digunakan dalam melancarkan urusan pelaksanaan kerja-kerja di peringkat PBT. Hasil-hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

PENYELIDIKAN	HASIL PENYELIDIKAN
ECOGEN RECYCLE MPKLANG	<ul style="list-style-type: none"> • Projek perintis digunapakai untuk merekod data kitar semula di peringkat kakitangan MPK, penduduk Bandar Bukit Raja Klang dan sekolah • Sistem ini akan dikembangkan ke semua penduduk klang mengikut fasa pelan tindakan.
RECO (RECYCLE COOKING OIL)	<ul style="list-style-type: none"> • Projek perintis digunapakai untuk merekod data kitar semula minyak masak terpakai penjaja pasar pagi di Kampung Sungai Udang,Klang • Sistem ini akan dikembangkan ke semua peniaga pasar pagi di daerah Klang mengikut pelan tindakan
PUSAT INOVASI BAGI TUJUAN PEMROSESAN ABBF	<p>Bagi permulaan, produk ABBF akan digunakan oleh MPSP bagi aktiviti fogging/kawalan denggi. Di samping itu, kajian lanjut akan di laksanakan bagi tujuan pengkomersilan pada masa hadapan.</p>
PENGGOMPOSAN DI MPKJ	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Perbandaran Kajang mengadakan kempen dan road show kaedah kompos dan mengutip minyak masak terpakai dari peniaga-peniaga. • Baja kompos juga akan dijual kepada peniaga-peniaga yang berminat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : TANAH YANG DIMILIKI OLEH PARTI-PARTI POLITIK

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat tanah dan balairaya yang dibeli, didirikan atau dimiliki oleh parti-parti politik. Sila mengemukakan satu senarai bagi DUN Balakong dan DUN yang lain jika diminta bahawa berapa tanah dan balairaya adalah berstatus dimiliki oleh parti-parti politik?
- b) Sekiranya senarai ini telah disusunkan, sila menyatakan juga tentang status tanah atau balairaya tersebut sebelum dijual kepada parti-parti politik berkenaan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Berdasarkan rekod PDTHL, tiada tanah dan balairaya yang dibeli, didirikan atau dimiliki oleh parti-parti politik DUN Balakong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : PEMBINAAN JALAN BARU DI ANTARA TAMAN UNIVERSITI INDAH
DAN TAMAN BUKIT SERDANG SEKSYEN 3**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan pihak MPSJ untuk membina jalan baru di antara Taman Universiti Indah dan Taman Bukit Serdang Seksyen 3 untuk menghubungkan dua taman bagi menyuraikan trafik di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Rancangan MPSJ terhadap cadangan membina jalan sambung antara Universiti Indah dan Taman Bukit Serdang Seksyen 3 ialah sedang dalam peringkat dokumentasi dan cadangan reka bentuk terperinci jajaran jalan (penyiasatan tanah).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU PENAIKTARAFAN INFRASTUKTUR SECARA SISTEMATIK DI
KAMPUNG BARU SERI KEMBANGAN**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana pihak MPSJ akan menganti dan membaiki infrastuktur asas seperti jalan dan longkang yang lama dan rosak secara sistematik di Kampung Baru Seri Kembangan?
- b) Adakah MPSJ akan menyediakan satu *infrastructure blueprint* untuk kampung tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pembaikan secara turapan akan dijadualkan melalui projek MARRIS secara berperingkat dan bergantung kepada peruntukan yang diluluskan, walau bagaimanapun pembaikan secara "*patching*" melalui penyelenggaraan tahunan turut dilaksanakan.
- b) Penaiktarafan parit perlu dibuat secara menyeluruh dan memerlukan belanja yang besar. Perancangan penambahbaikan infra di Kampung Baru Seri Kembangan ada digariskan di dalam Rancangan Tempatan 2035. Walau bagaimanapun pelan tindakan perlu diperincikan beserta rekabentuk dan anggaran harga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon senaraikan jumlah rumah ibadat bukan Islam berdaftar dan tidak berdaftar dalam Pentadbiran MPAJ serta tempoh operasi.
- b) Memohon senaraikan jumlah tapak rumah ibadat bukan Islam yang masih belum serah kepada mana mana pihak dalam Daerah Hulu Langat setakat Oktober 2018.

JAWAPAN:

- a) Terdapat 4 buah rumah ibadat (tokong) yang mempunyai kelulusan / Kebenaran Merancang (KM) di dalam kawasan pentadbiran MPAJ. Manakala terdapat 25 buah rumah ibadat selain Islam yang tidak berdaftar / tiada Kebenaran Merancang (KM) iaitu dengan pecahan 12 buah tokong, 9 buah kuil dan 4 buah gereja. Butiran terperinci adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Di dalam Daerah Hulu Langat di bawah kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), tiada tapak rumah ibadat selain Islam yang masih belum diserahkan kepada mana-mana pihak sehingga Oktober 2018.

Walau bagaimanapun, terdapat 7 tapak yang dikhaskan untuk tujuan rumah ibadat Selain Islam di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) yang masih belum diserahkan iaitu 2 tapak terletak di Mukim Beranang dan 5 tapak di Mukim Semenyih. Butiran terperinci adalah seperti di **Lampiran 2**.